

Tamu Istimewa Sempena Hari Bapa

TULISAN: NORASHIKIN MD. NOR
GAMBAR: NOREA AZILA ABD. SAMAD

Tan Sri Dr. Yahaya Ibrahim

tokoh pendidikan ulung

PENDIDIKAN ibarat dunia tanpa sempadan. Sesiapa sahaja boleh meneruskan pelajaran setinggi mana mereka inginkan.

Itu perjuangan tulus Tan Sri Dr. Hj. Yahaya Ibrahim dalam usaha mempertingkatkan dan mengembangkan kesedaran betapa penting pendidikan pada semua peringkat umur baik golongan muda mahupun dewasa bekerjaya. Bagi Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) ini, seorang insan cemerlang akademik juga sahsiah diri boleh dibentuk sedari kecil lagi. Tiga sifat perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak adalah disiplin diri yang kuat, kemahiran kritikal kreatif dan akhir sekali gemar bertanya.

Kejayaan & Sumbangan Cemerlang

Obses Yahaya terhadap pendidikan diiktiraf masyarakat luar apabila dia dianugerahkan *Cross of the Order of Merit of The Federal Republic of Germany* daripada Presiden Jerman kerana berhasil mendekati jurang pendidikan dua buah negara. Beliau terlibat secara aktif dalam pendidikan di sektor awam, swasta dan latihan di semua peringkat. Apabila mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad mengumumkan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di bawah sistem pendidikan kebangsaan pada tahun 2003, dia berasa bertuah dan menganggapnya sebagai hadiah kepada rakyat Malaysia. Yahaya mengetuai Krista Education Group di mana pendidikan awal ini digunakan secara meluas di lebih 140 buah francais tadika seluruh negara. Kecemerlangan Yahaya mendapat perhatian sehingga dia dianugerahkan Tokoh Pendidik bagi kolej swasta pada 1991 serta Tokoh

Guru Kebangsaan pada 1998. Malah beliau pernah menyumbangkan bakti di bawah pentadbiran lima orang Perdana Menteri Malaysia serta kepimpinan 17 orang Menteri Pelajaran.

Membesar di Era Perang Dunia Kedua

Mengimbas kembali zaman persekolahan, Yahaya mengakui dia terpaksa berpindah sekolah beberapa kali kerana kemahuan bapa. Dia dilahirkan pada tahun 1929 di Bayan Lepas, Pulau Pinang, memulakan pendidikan rendah di Sekolah Melayu Bayan Lepas sehingga darjah empat. Si bapa menyedari kepentingan bahasa Inggeris, jadi dia berhasrat memindahkan Yahaya ke sekolah rendah Inggeris. Membanggakan kerana Yahaya muncul sebagai calon tunggal di sekolah berjaya melepasi peperiksaan khas untuk memasuki sekolah itu. Beliau aktif bersukan dan berpersatuan sewaktu berada di Sekolah Inggeris Francis Light. Istimewa lagi apabila Yahaya berkawan baik dengan Tan Sri P.Ramlee. Mereka membesar

di Jalan Kampong Jawa Bahru, Georgetown. Setiap malam mereka belajar bersama-sama, malah dia membonceng basikal seniman ulung negara itu untuk ke sekolah. Ketika perang dunia kedua meletus pada tahun 1940 sehingga perang tamat lima tahun kemudian, Yahaya dan teman baiknya berjaya menamatkan pengajian sebelum mereka diterima masuk ke *Penang Free School* bagi mendapatkan sijil *Overseas Cambridge School*. Antara tokoh ternama lain yang turut belajar di situ adalah Tan Sri Desa Pachi, Tan Sri Hamid Pawan Teh, Tan Sri Nasruddin Bahari, Tan Sri Lamin Yunus, Dato'Azmi Khalid, Dr. A.Samad Kadir dan Dato'Eddie Choong.

132 JELITA JUN 2011



“Percaya tidak kalau saya katakan, dalam tempoh 32 tahun saya bekerja dalam kerajaan, saya cuma mengambil 11 hari cuti sakit”

Adik Beradik Cemerlang

Bapa Yahaya bekerja di laut sebagai anak kapal, jadi mereka dibesarkan oleh si ibu yang banyak mengajar supaya sentiasa kuat dari segi fizikal, mental serta kerohanian. Ketabahan ibu membantu membentuk corak kehidupan Yahaya agar menjadi seorang lelaki matang dan bijak membuat keputusan. Hasilnya, adik beradik Yahaya semua berjaya dalam bidang pilihan masing-masing. Ada mengikut jejak langkah ayah menjadi tentera laut, bidan dan guru besar sekolah. Malah arwah abang, Ahmad pernah dilantik sebagai Menteri Kesihatan dan Menteri Tenaga Kerja Singapura. Sementara Yahaya pula memulakan kerjaya dalam bidang pendidikan dengan memasuki Kolej Latihan Guru Singapura (STTC). Beliau bukan sahaja percaya bahawa pendidikan berkualiti mampu menjana minda generasi muda, bahkan dapat menonjolkan potensi mereka di tahap maksimum. Selepas setahun di STTC, dia terpilih melanjutkan pelajaran dalam kursus pendidikan guru di Maktab Kirkby, Universiti Liverpool, United Kingdom dari tahun 1952 hingga 1954.

Bangga Dengan Kirkby

Semangat Yahaya terhadap Kirkby sentiasa berkobar-kobar. Dia masih ingat pengalaman selama dua tahun di maktab itu, mereka berjuang mendapatkan ilmu tanpa mengira

batas bangsa, agama, budaya atau perkauman. Beliau percaya semangat juangnya amat dihargai masyarakat selain menjadi contoh teladan bagaimana sejak awal tahun 1950-an lagi, bangsa Malaya bukan hanya suatu konsep mahupun khayalan tetapi satu kenyataan. Kejayaan eksperimen kerajaan koloni Inggeris bagi mewujudkan sebuah bangsa Malaya yang berkongsi impian sama dan mewujudkan negara aman makmur di mana penduduknya saling hormat-menghormati walaupun berada di negara asing. Sehingga hari ini, hampir kesemua pelajar universiti dan institut perguruan terbuka kepada semua bangsa. Malah konsep bersatu dalam satu pasukan ini telah diterima pakai di Brinsford dan Maktab Kota Bharu Kelantan. Beliau berbangga kerana usahanya membawa Kirkby ke Malaysia berhasil. Kolej Antarabangsa Kirkby, terletak di Cyberjaya bukti semangat Yahaya walaupun berlaku transformasi dalam sistem dan kaedah pembelajaran di situ.

Keluarga Tetap di Utamakan

Setiap kejayaan pasti ada tulang belakang iaitu sokongan ahli keluarga. Perkahwinan Yahaya dan isteri Puan Sri Datin Hajjah Badariah Othman tetap bahagia meskipun

diatur keluarga. Kehadiran anak tunggal, Badril, menantu dan cucu kesayangan Shafiqe dan Sofia Qistina mencerikan lagi kehidupan mereka. Keluarga bahagia memerlukan kesabaran dan sepenuh kasih sayang, barulah masing-masing saling memahami antara satu sama lain. “Sejauh mana tahap pendidikan seseorang, soal keagamaan perlu dititikberatkan. Sentiasa hargai apa yang Tuhan kurniakan dan berikhtiar memperbaiki segala kelemahan diri. Jadi orang baik sebelum menjadi suami, bapa atau ketua yang baik. “Pemberian Tuhan harus digunakan sebaik mungkin jika mahu maju dalam pelajaran. Minda mesti berfungsi dengan sempurna agar dapat diaplikasi sepenuhnya ketika menjalankan tugas. Ilmu dan tenaga saling berhubung kait antara satu sama lain,” pesan Yahaya.

Ulamak pada Usia 82

Apabila ditanya rahsia mengekalkan kecergasan pada usia 82 tahun, Yahaya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana mengurniakan kesihatan baik kepadanya. “Percaya tidak kalau saya katakan, dalam tempoh 32 tahun saya bekerja dalam kerajaan, saya cuma mengambil 11 hari cuti sakit. Setiap pagi saya mengamalkan berjalan perlahan selama 25 minit dan 15 minit senaman fizikal. Selain itu, jangan lupa berdoa kepada Tuhan agar memberikan tubuh badan sihat bertenaga supaya saya dapat menjalani aktiviti harian dengan sempurna. “Saya mahu jadi seorang ulamak (usia lanjut masih aktif) dan bukannya ulam (usia lanjut malas) dan bukan juga ular (usia lanjut relaks) dan jauh sekali ulat (usia lanjut tidur). Ramai yang menunggu untuk bersara pada usia 55 tahun dengan alasan boleh berehat apa-apa di rumah tanpa merheatkan diri. “Selepas bertahun-tahun mengerah tenaga dan fikiran, kenapa mereka tidak mahu menyumbang sesuatu ke arah pembangunan negara. Jika ada konsep pembelajaran sepanjang hayat, saya ingin kemukakan konsep ‘Memberi Sumbangan Sepanjang Hayat’ iaitu selagi nyawa dikandung badan selagi itulah kita aktif membuat kerja dan amal bakti untuk masyarakat,” tegas Yahaya.